



Wajah dan Harapan Baharu DBP

Sejak awal penubuhannya, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tidak pernah terlepas daripada tanggungjawab untuk mengembangkan dan mendaulatkan bahasa Melayu. Kendatipun, tanggungjawab dan tugas ini bukan terletak di atas bahu DBP sahaja, malah harus mendapat sokongan dan dorongan daripada pelbagai pihak. Perjuangan ini tidak pernah selesai. Dalam usaha merentasi cabaran dan dugaan untuk memartabatkan bahasa Melayu, pasti ada sahaja rintangan tertentu yang terpaksa dihadapi oleh DBP serta golongan dan individu yang turut mencintai bahasa kebangsaan.

Baru-baru ini, terdapat pelbagai pandangan dan pendapat yang dilontarkan oleh pelbagai pihak tentang isu Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC). Terdapat pandangan umum yang menyatakan bahawa jika UEC dilaksanakan, maka kedaulatan dan martabat bahasa Melayu akan terhakis.

Oleh itu, sidang media khas telah dilaksanakan oleh DBP pada 27 Julai bagi menjelaskan kedudukan DBP dalam isu tersebut. Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Profesor Dr. Mohamed Hatta Shaharom dalam sidang media tersebut menyatakan bahawa DBP menyokong kenyataan YB Menteri Pendidikan supaya kajian menyeluruh dan holistik berkaitan dengan isu pengiktirafan UEC dilaksanakan.

Beraskan Akta DBP 1959, DBP berpendirian, apa-apa juga keputusan yang dibuat berkaitan UEC

mestilah mengambil kira Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahasa kebangsaan di Malaysia ialah bahasa Melayu, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang menyatakan bahawa bahasa kebangsaan digunakan bagi maksud-maksud rasmi, dan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) yang menyatakan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara.

Sistem Pendidikan Kebangsaan yang menetapkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, kurikulum kebangsaan dan peperiksaan yang sama selama ini telah terbukti berjaya melahirkan golongan cerdik pandai yang diiktiraf dalam negara dan pada peringkat antarabangsa.

Selain itu, turut dinyatakan dalam sidang media tersebut termasuklah peranan DBP dalam Dekad Bahasa Kebangsaan (DBK). Bagi memastikan bahasa kebangsaan terus menjadi pilihan utama rakyat Malaysia dan menjadi satu daripada bahasa utama dunia, Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik mengemukakan gagasan besar, iaitu Dekad Bahasa Kebangsaan (DBK) yang diterajui oleh DBP. Gerakan awal DBK akan bermula pada tahun 2018-2020 yang lebih menumpukan perancangan, gerak kerja awal, memberikan kefahaman dan kesedaran kepada seluruh rakyat Malaysia, dan seterusnya DBK bakal diisytiharkan pada tahun 2020-2030.

DBP merangka beberapa pendekatan tertentu untuk menjayakan DBK. Pendekatan tersebut merangkumi

Profesor Dr. Mohamed Hatta memberikan jaminan banyak agenda baharu berkaitan bahasa dan kesusasteraan akan terus dilaksanakan oleh DBP.

pelbagai program yang bakal dilaksanakan di dalam dan di luar negara. Antara program yang bakal dilaksanakan oleh DBP termasuklah penyemaian budaya intelektual melalui bahasa kebangsaan dalam kalangan rakyat Malaysia. Forum, debat, pidato dan diskusi akan dilaksanakan secara tekal dan kerap. Selain itu, duta DBK turut diwujudkan dalam pelbagai bidang seperti politik, agama, hiburan, sukan, dan pendidikan bagi mempromosikan dasar ini. Bagi memperluas penggunaan bahasa Melayu, DBP juga akan dijadikan sebagai pusat pembelajaran bahasa dan budaya Melayu kepada pekerja asing sebagai syarat untuk bekerja di negara ini.

Selain di dalam negara, DBP juga berusaha keras untuk memperluas dan mengembangkan bahasa Melayu di persada antarabangsa. Pusat pengajaran dan pembelajaran bahasa kebangsaan yang unggul dengan mengambil pendekatan yang sama seperti British Council dan Goethe Institute bakal diwujudkan serta penambahan dan pemantapan Kursi Pengajian Melayu di universiti seluruh dunia seperti di Universiti Leiden, Universiti Ohio, Universiti Victoria, Wellington, Universiti Busan dan Universiti Pengajian Asing Beijing (BFSU) bagi merealisasikan hasrat murni tersebut. Dalam dunia pengajian tinggi, instrumen pengujian bahasa Melayu untuk pelajar asing di institut pengajian tinggi juga bakal dilaksanakan agar setaraf dengan *Test of English as a Foreign Language (TOEFL)*.

Sebuah tamadun atau negara yang mempunyai asas falsafah dan sendi ketamadunan tinggi mempunyai karya yang mencerminkan keperibadian serta pandangan alam masyarakatnya. Tamadun Melayu juga tidak ketinggalan dalam memiliki khazanah keintelektualan ini. *Sulalatus Salatin* dan *Hikayat Hang Tuah* merupakan antara teks klasik yang sama penting dan tinggi martabatnya dengan *Odyssey*, *Iliad* (tamadun Barat) dan *Mahabharata* (tamadun Hindu).

Dalam mengangkat karya klasik sastera Melayu, DBP akan meneruskan penerbitannya dalam pelbagai genre dan menerbitkan edisi yang dipermudah untuk tujuan bacaan pembaca pelbagai tahap. Selain itu, DBP juga meneruskan penerbitan karya Sasterawan Negara dan mempergiat usaha menyebarkan karya tersebut terutamanya pada peringkat sekolah dan institut pengajian awam. Karya ini juga akan diusahakan untuk diterbitkan dalam pelbagai bentuk media lain seperti adaptasi filem, telenovela, dan drama pentas.

Sememangnya usaha untuk mengangkat martabat bahasa Melayu tidak mudah. Program dan pendekatan yang dibawa oleh DBP harus dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat. DBP juga bersikap terbuka dan mengalu-alukan pandangan dan pendapat masyarakat berkaitan dengan hal bahasa dan kesusasteraan. **PB**



Para pemenang bergambar bersama-sama Pengetua Sekolah Menengah Persendirian Cina, Phor Tay.

Kepetahan Pelajar Tionghoa Berforum dalam Bahasa Melayu

PULAU PINANG – Pertandingan Forum Pelajar Tionghoa Peringkat Zon A bertempat di Sekolah Menengah Phor Tay Persendirian, Pulau Pinang diadakan pada 3 Julai 2018. Forum pelajar anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ini diadakan dengan kerjasama Gabungan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah-sekolah Cina Pulau Pinang dan Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif. Pertandingan ini dikhususkan untuk pelajar sekolah jenis kebangsaan Cina ini dirasmikan oleh wakil Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia, Lee Tiam Li.

Forum pelajar yang berlangsung setiap tahun ini bertujuan untuk meningkatkan kefasihan berbahasa dan kemahiran berkomunikasi menggunakan bahasa kebangsaan dalam kalangan pelajar Tionghoa. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memupuk semangat kecintaan terhadap bahasa kebangsaan serta semangat patriotisme dalam kalangan mereka.

Sebanyak sembilan buah sekolah mengambil bahagian dalam Pertandingan Forum Pelajar Tionghoa Peringkat Zon A ini. Sekolah Menengah Han Chiang Persendirian, Pulau Pinang meraih tempat pertama. Tempat kedua pula dimenangi oleh Sekolah Menengah Chun Ling, Pulau Pinang dan tempat ketiga dimenangi oleh Sekolah Menengah Perempuan Cina Persendirian, Pulau Pinang. Pelajar Sekolah Menengah Chun Ling, Jeannie Ooi dinobatkan sebagai Pengerusi Forum terbaik, manakala Erin Yap Jo Lynn dari Sekolah Menengah Han Chiang Persendirian, Pulau Pinang dinobatkan sebagai Pemforum Terbaik. Hadiah disampaikan oleh Pengetua Sekolah Menengah Persendirian Cina, Phor Tay.

Nur 'Izzati Mohd. Zahari

Peluang Pasaran Industri Khidmat Bahasa

KUALA LUMPUR – Perbincangan meja bulat tentang pasaran khidmat bahasa di Malaysia berlangsung di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur pada 10 dan 11 Julai 2018. Sesi yang dikendalikan oleh Karyawan Tamu DBP, Profesor Madya Dr. Hasuria Che Omar ini memfokuskan keperluan pasangan bahasa Inggeris-bahasa Melayu, diikuti bahasa-bahasa lain berdasarkan kepentingannya dalam industri khidmat bahasa di Malaysia.

Perbincangan merangkumi aspek saiz dan bentuk pasaran bahasa, penggunaan teknologi dalam penterjemahan, pendapatan yang diperoleh, pertumbuhan industri penerbitan dan pembekal perkhidmatan, penggunaan istilah dan kosa kata yang digunakan dan permasalahannya, serta bentuk perkhidmatan yang disediakan dalam industri khidmat bahasa.

Tajuk perbincangan pada hari pertama termasuklah Khidmat Terjemahan oleh Maria Salim (penterjemah bebas), Khidmat Terjemahan (Bahasa Isyarat) oleh Wan Zuraidah Abu (MDF), Khidmat Penterjemahan, Kejurubahasaan dan Latihan oleh Nor Azanin Anuwari (ITBM), Khidmat/Penerima Perkhidmatan (Media-Berita dan Hal Ehwal Semasa) oleh Mohamad Letfee Ahmad (BERNAMA News Channel), dan Khidmat Terjemahan (Penyuntingan Bahasa Melayu Perkhidmatan Berita Ekonomi) oleh Lat Zaharah Abd. Mutalib (BERNAMA).

Pada hari kedua, perbincangan berfokus tentang Khidmat/Penerima Perkhidmatan oleh Samsudin Jidin (Bank Negara Malaysia), Khidmat Terjemahan oleh Nor Shakirah Mohd Zain (penterjemah bebas), Pelatihan oleh Dr. Dahlina Daud (Akademi DBP), Penerbitan Buku-buku Terjemahan dan Peraturan-peraturan Penerbitan oleh Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan (PPM), Khidmat Terjemahan/Teknologi dan lain-lain oleh Razin Ong (PPM) dan Khidmat (Nasihat) Bahasa oleh Haniza Lockman (Bahagian Penguatkuasaan, DBP).

Siti Norsuhaila Samsudin



Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan dari Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) menerangkan tatacara penerbitan dan penterjemahan buku di Malaysia.



Ketua Pengarah DBP, Datuk Haji Abdul Adziz Abas sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun DBP ke-62 pada 11 Julai 2018.

Warga Kerja Berjiwa Pemenang

KUALA LUMPUR – Sebagaimana yang ditekankan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Mazlee Malik, warga Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) diingatkan untuk mengubah cara pemikiran, sikap dan cara bekerja selaras dengan dasar serta aspirasi kerajaan baharu.

"Slogan Malaysia Baharu yang dibawa oleh kerajaan baharu selepas Pilihan Raya Umum ke-14 perlu diterjemahkan dalam konteks DBP yang berfungsi memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan," demikian menurut Ketua Pengarah DBP, Datuk Haji Abdul Adziz Abas sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun DBP ke-62 pada 11 Julai 2018.

"DBP sebagai institusi rasmi yang mendaudatkan bahasa kebangsaan di negara ini kini berusia 62 tahun, yang sepatutnya cukup matang dari segi pengalaman, pemikiran dan pelaksanaan matlamat penubuhannya.

Karyawan DBP juga digesa untuk "berjiwa dan bersikap sebagai seorang pemenang" yang melakukan perancangan kerja dengan penuh teliti dan bekerja bersungguh-sungguh untuk mencapai objektif program tanpa mengenal erti putus asa.

Katanya, DBP diingatkan agar tidak lagi terikat dengan pelaksanaan program yang sudah lapuk, konvensional dan tidak lagi selari dengan hakikat semasa yang digambarkan oleh sesetengah pihak seperti "zombie". Dalam perkara ini DBP diandaikan seperti "mayat hidup" yang tidak mampu melaksanakan fungsinya dengan berkesan.

"Label ini memang amat pahit untuk kita menerimanya. Namun inilah sebahagian daripada tanggapan pihak luar terhadap wibawa semasa DBP. Sikap defensif tidak akan membawa DBP pada landasan perjuangan yang cemerlang. Oleh itu, sikap ini perlu ditinggalkan dan digantikan dengan sikap sedia menerima kritikan untuk menjadikan diri kita lebih berwibawa," katanya.

Suria Janib

Edisi Sulung Debat Malaya

KUALA LUMPUR – Buat julung kalinya, Majlis Orator Universiti Malaysia (MORUM) dengan kerjasama Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Malaysia (UM) menganjurkan Pertandingan Debat Malaya pada 13 hingga 16 Julai 2018 bertempat di Kompleks Perdanasiswa, UM pada 13 hingga 16 Julai 2018. Dengan bertemakan "Integriti dan Kenegaraan", debat ini berformatkan perdebatan ala Parlimen Asia. Pertandingan debat ini mendapat sokongan daripada penaja, seperti Institut Integriti Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kolej Kediaman Raja Dr. Nazrin Shah, Challenger dan Gempak Staz.

Pertandingan ini terbuka kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Kluster, Sekolah Menengah (SM) dan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) di Malaysia. Debat ini bertujuan untuk mengasah bakat dan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan pelajar sekolah, sekali gus untuk memupuk daya fikir dalam berujah. Daripada 16 buah sekolah yang bertanding, dua sekolah berjaya mara ke peringkat akhir, iaitu Sekolah Dato' Abdul Razak (selaku kerajaan) dan Sekolah Menengah Sains Banting (selaku pembangkang). Berdasarkan tajuk, "UEC Satu Langkah ke Belakang", Sekolah Menengah Sains Banting muncul sebagai Juara Debat Malaya 2018. Ketua Pembangkang, Nur Syahirah Balqis dinobatkan sebagai Pembahas Terbaik.

Debat Malaya 2018 diserikan dengan kehadiran Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemerkasaan TVET, Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain menyampaikan ucapan, Nurul Izzah juga diberikan penghormatan untuk menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Nurul Julia Alani Henry



Para pembahas merakamkan gambar kenangan bersama-sama dengan Nurul Izzah Anwar.